

Pencapaian Pengurusan Zakat di kalangan Minoriti Muslim Bangkok

Achievement of Zakat Management among the Muslim Minority in Bangkok

แว้วมแร แวปา¹

Waeamrene Waepa¹

(Received: October 22, 2020; Revised: November 16, 2020; Accepted: December 01, 2020)

ABSTRAK

Pengurusan zakat yang cekap dan berkesan dituntut oleh ajaran agama Islam. Tamadun Islam menunjukkan banyak usaha dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan zakat berada pada tahap yang cemerlang demi memastikan hikmah pelaksanaannya memberi kesan terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam sepanjang sejarah. Bagi masyarakat Muslim di Thailand, pengurusan zakat berada pada tahap yang sederhana dan tidak sistematik. Kesedaran tanggungjawab berzakat di kalangan masyarakat Islam di Thailand masih di tahap rendah. Kajian ini menganalisa pencapaian Kutipan dan Agihan yang dihadapi oleh tiga institusi pengurusan zakat di Bangkok hari ini iaitu Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok. Ketiga-tiga institusi ini menjadi wadah dalam menyempurnakan kewajipan berzakat oleh masyarakat di Bangkok. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif berasaskan kepada metod analisis dokumen secara induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan institusi pengurusan zakat di Bangkok telah wujud dan memainkan peranan dalam proses kutipan dan agihan zakat kepada golongan yang memerlukan. Namun, pencapaian pengurusan zakat di tiga institusi pengurusan zakat tersebut adalah di tahap sederhana. Implikasi kajian memberi pendedahan terhadap pencapaian pengurusan zakat di Bangkok hari ini serta penambahbaikan pada masa akan datang.

Kata kunci: Pencapaian, Minoriti, Agihan, Implikasi

¹ สถาบันอิสลามและอาหรับศึกษา มหาวิทยาลัยราชภัฏวชิราวุธวิทยาลัย

¹ Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University

ABSTRACT

The teaching of Islam commands Muslim to establish an effective of zakat management. Islamic civilization shows that many efforts and initiatives have been implemented to ensure zakat management is at an excellent level in order to ensure that its implementation affects the socio-economic development of the Muslim community throughout history. For Muslim community in Thailand, zakat management is at moderate level and unsystematic. At the same time, awareness of zakat accountability among Muslims in Bangkok Thailand is still low. This study analyzes the achievements of Collection and Distribution faced by three zakat management institutions in Bangkok today namely the Bangkok Islamic Religious Council, Bangkok Islamic Center Foundation and Santichon Bangkok Islamic Foundation. These three institutions serve as a platform in fulfilling the obligation of zakat by the community in Bangkok. This study uses qualitative research designs based on inductively and deductively document analysis methods. The results show that zakat management institutions in Bangkok have existed and played a role in the process of collecting and distributing zakat to the needy. However, the achievement of zakat management in the three zakat management institutions is at a moderate level. The implications of the study provide exposure to the achievements of zakat management in Bangkok today as well as future improvements.

Keywords: Achievement, Minority, Distribution, Implications.

PENGENALAN

Menganalisis pencapaian pengurusan zakat di Bangkok dari tahun 2011-2015M berpandukan pencapaian keseluruhan kutipan dan agihan zakat di tiga institusi pengurusan zakat di Bangkok iaitu Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santhichon Bangkok. Seterusnya, kajian meneliti sosio-ekonomi berkaitan yang menyumbang kepada perkembangan pencapaian zakat di Bangkok.

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kritikal terhadap data-data punca sumber zakat dan mekanisme tiga institusi tersebut. Penegangan kajian ini iaitu pencapaian pengurusan zakat dan pendekatan perbandingan bagi memahami persamaan dan perbezaan dalam pengurusan zakat di Bangkok oleh ketiga Institusi tersebut.

Dalam bahagian ini akan kemukakan gambaran berbezaan pengurusan zakat dalam kutipan dan agihan terhadap tiga badan yang tersebut. dalam hal ini juga pengkaji berdasarkan penjelasan rujukan Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok, Yayasan Islam Santhicon Bangkok, temubual dengan bererapa peminpin masyarakat Islam di Thailand dan ahli-ahli akademik pengajian Islam, Mereka ialah Ismail Ali iaitu pensyarah Prince of Songkla University, Matnuri Yusuf iaitu Timbalan Guru Besar Maahad Nuruddin, Issara Santhisath Pensyarah, Chulalongkorn University, Boochom, A. (2016) Yang Dipertua Majlis Agama Islam Bangkok, Abdullah Nunsuk iaitu Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Bang, Samath Matlulim iaitu Yang Dipertua Yayasan Pusat Islam Bangkok, Prasert Wongsan iaitu Timbalan Yang Dipertua Yayasan Islam Santhichon Bangkok, Bunsong Binkasan iaitu Ahli Jawatankuasa Yayasan Islam Santhichon Bangkok dan Adul Yutasamut Ahli Jawatankuasa Masjid Ban Ow Bangkok dan juga Ahli Politik Kawasan Ban Ow Bangkok.

PENCAPAIAN KUTIPAN ZAKAT DI BANGKOK

Pencapaian kutipan zakat di Bangkok pada tahun 2011 M sehingga 2015 M boleh dinilai berpandukan statistik jumlah kutipan tahunan yang digabung oleh tiga institusi pengurusan zakat di Bangkok sebagaimana jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Statistik kutipan zakat di Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon pada Tahun 2011-2015

Tahun	Majlis Agama Islam	Yayasan Pusat Islam	Yayasan Islam Santichon
	Bangkok	Bangkok	Bangkok
2011	125,000	1,517,544	2,464,898
2012	125,000	2,432,596	1,947,263
2013	1,500,000	2,880,810	2,499,009
2014	2,000,000	2,791,479	2,183,665
2015	3,000,000	3,369,059	2,613,953
Total	6,750,000	12,991,488	11,708,788

Sumber: Binkasan, B. (2016), Boochom, A. (2016), Matlulim, S. (2016).

Jadual 1 di atas menggambarkan statistik kutipan zakat di tiga institusi pengurusan zakat di Bangkok dari tahun 2011-2015 M. Jadual menunjukkan Yayasan Pusat Islam Bangkok memperoleh kutipan sebanyak 12,991,488 Baht dan Yayasan Islam Santichon sebanyak

11,708,788 Baht, manakala kutipan Majlis Agama Islam Bangkok pula sebanyak 6,750,000 Baht. Berasaskan statistik, kutipan oleh Yayasan Pusat Islam Bangkok tertinggi, diikuti oleh Yayasan Islam Santhicon dan Majlis Agama Islam Bangkok.

Sumber utama hasil zakat di ketiga-tiga institusi tersebut adalah dari dua kategori utama iaitu zakat perniagaan dan zakat harta. Menurut Issara Santhisath, antara faktor utama menyebabkan Yayasan Pusat Islam Bangkok memperoleh hasil zakat tertinggi ialah kerana kedudukan yayasan itu yang terletak di kawasan strategik di bandar Bangkok. Kedudukan itu memberi kemudahan kepada masyarakat Islam dari dalam daerah dan luar wilayah menunaikan kewajipan zakat di yayasan tersebut (Temubual Santhisath, I. 2016). Golongan pembayar zakat juga memainkan peranan dalam mempengaruhi hasil kutipan zakat. Menurut Samath Matlulim, kebanyakan pembayar zakat kepada Yayasan Pusat Islam Bangkok terdiri dari kalangan ahli perniagaan Muslim yang berada di kawasan itu. Faktor keyakinan yang tinggi terhadap pengurusan zakat Yayasan Pusat Islam Bangkok juga memberi kelebihan dan menjadikan Yayasan Pusat Islam Bangkok menjadi institusi zakat pilihan kepada masyarakat Islam Bangkok (Temubual Matlulim, S. 2016). Pada penelitian Ismail Ali, jumlah kutipan yang tinggi diperoleh Yayasan Pusat Islam Bangkok disumbangkan oleh faktor pengurusannya di mana kebanyakan pentabir atau ahli jawatankuasa Yayasan Pusat Islam Bangkok terdiri dari golongan akademik dan pensyarah di pusat pengajian tinggi di Thailand dan kakitangan kerajaan. Keadaan ini meningkatkan kepercayaan masyarakat Islam terhadap pengurusan zakat yayasan.

Jadual 2: Cara Penggunaan Kaedah kutipan zakat di Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon pada Tahun 2011-2015

Kaedah	Majlis Agama Islam Bangkok	Yayasan Pusat Islam Bangkok	Yayasan Islam Santichon Bangkok
Bayaran Menurusi Kaunter Zakat	✓	✓	✓
Bayaran Menurusi Pos dan Bank Draf	-	✓	✓
Bayaran Menurusi ATM dan Internet	✓	✓	✓
Bayaran Melalui Agen-agen Akauntan Professional yang di Lantik	-	✓	-
Bayaran Melalui Agen-agen Bank yang telah di Lantik	-	✓	-

Mengadakan Program Kempen Kesedaran

Berzakat

- ✓ -

Sumber: Binkasan, B. (2016), Boochoom, A. (2016), Matlulim, S. (2016).

Jadual 2 di atas menggambarkan kaedah kutipan zakat di mana masyarakat Islam menyempurnakan kewajipan mereka menerusi lima kaedah bagi Yayasan Pusat Islam Bangkok mempunyai lima kaedah dalam pengutipan pertama, pembayaran menerusi kaunter zakat, kedua, kiriman wang pos dan bank draf, ketiga, pembayaran melalui ATM dan internet, keempat, melalui agen-agen akauntan professional yang di lantik (untuk zakat perniagaan), kelima, melalui agen-agen bank yang telah dilantik iaitu Bank Islam dan Bangkok Bank dan begitujuga Yayasan tersebut banyak mengadakan program kempen kesedaran zakat ke atas masyarakat Islam di kawasan Bangkok.

Bagi Yayasan Islam Santhichon Bangkok, ia mempunyai tiga kaedah sahaja iaitu membayar di kaunter-kaunter Yayasan Islam Santichon Bangkok, kirim wang pos dan bank draf, pembayaran melalui ATM dan tidak ada memberi kempen tentang berzakat dalam Masyarakat Muslim Bangkok, Manakala bagi Majlis Agama Islam, kaedah pembayaran zakat hanya dua iaitu pertama membayar di kaunter-kaunter di pejabat Majlis Agama Islam Bangkok, pembayaran melalui ATM dan tidak ada kempen untuk memberi kesedaran terhadap berzakat.

Yayasan Pusat Islam Bangkok juga banyak mengadakan program kempen kesedaran zakat ke atas masyarakat Islam dan aktiviti ini menjadi antara faktor meningkatkan hasil zakat kepada yayasan Pusat Islam Bangkok. (Temubual Ali, I. 2016).

Berdasarkan dapatan di atas, jelas iaitu Yayasan Pusat Islam Bangkok mempunyai sistem kutipan zakat yang sistematik berbanding dengan Yayasan Islam Santichon dan Majlis Agama Islam. Menurut Presert Wongsan (Temubual Wongsan, P. 2016). Adul Yutasamut, pengurusan Yayasan Pusat Islam Bangkok mempunyai para pengurus yang professional serta memiliki sistem rekod kutipan dan agihan zakat yang teratur. Keadaan ini meningkatkan keyakinan masyarakat Islam terhadap pengurusan zakat kelolaan Yayasan Pusat Islam Bangkok (Temubual Yutasamut, A. 2016).

PENCAPAIAN AGIHAN ZAKAT DI BANGKOK

Pencapaian agihan zakat di Bangkok pada tahun 2011M sehingga 2015M dapat dinilai berpandukan jadual statistik di bawah bersumberkan maklumat dan data yang di perolehi dari kegiatan agihan zakat yang dilaksanakan oleh tiga institusi pengurusan utama di Bangkok, sebagaimana berikut:

Jadual 3: Statistik Agihan Zakat Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Puast Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok pada Tahun 2011-2015

Badan/ Asnaf	Majlis Agama Islam Bangkok	Yayasan Pusat Islam Bangkok	Yayasan Islam Santichon Bangkok
Fakir	432,500	0	2,004,627
Miskin	390,000	2,024,000	946,685
Amil	246,000	813,375	136,691
Mualaf	532,500	77,765	93,894
<i>Riqab</i>	200,000	0	0
<i>Gharimin</i>	0	0	0
<i>Fi sabil Allah</i>	4,899,000	8,188,065	4,373,590
<i>Ibn al-sabil</i>	50,000	0	0
Total	6,750,000	11,103,205	7,555,487

Sumber: Binkasan, B. (2016), Boochom, A. (2016), Matlulim, S. (2016).

Jadual 3 di atas menggambarkan statistik agihan zakat di tiga badan iaitu Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok. Jadual mendapati agihan zakat oleh Yayasan Pusat Islam Bangkok sejak tahun 2011M hingga tahun 2015M sebanyak 11,103,205 Baht, agihan Yayasan Islam Santichon sebanyak 7,555,487 Baht dan agihan Majlis Agama Islam Bangkok sebanyak 6,750,000 Baht. Keseluruhannya, jumlah agihan zakat Yayasan Pusat Islam Bangkok lebih banyak daripada agihan badan-badan yang lain.

Jumlah agihan zakat bagi asnaf *fi sabil Allah* yang diberi oleh Yayasan Pusat Islam Bangkok lebih banyak berbanding asnaf-asnaf yang lain iaitu sebanyak 8,188,065 Baht, kemudian asnaf *fi sabil Allah* di Majlis Agama Islam Bangkok sebanyak 4,899,000 Baht dan asnaf *fi sabil Allah* di Yayasan Islam Santichon sebanyak 4,373,590 Baht. Jumlah keseluruhan

zakat yang diagihkan kepada *fi sabil Allah* oleh ketiga-tiga institusi tersebut sebanyak 17,460,655 Baht.

Menurut Aroon Boonchom, Majlis Agama Islam Bangkok membuat agihan zakat kepada asnaf *fi sabil Allah* sebanyak 4,899,000 Baht pada tahun 2011M sehingga 2015M. Ia diberi keutamaan kerana asnaf *fi sabil Allah* meliputi erti yang luas dari segi *fiqh* Islam. Beliau merujuk pandangan Rashid Rida dalam *Tafsir al-Manar* yang erti *fi sabil Allah* di sini adalah kemaslahatan umum kaum Muslimin. Ia meliputi segenap aspek bagi tujuan menegakkan urusan agama dan pemerintahan, bukan kepentingan peribadi. Aspek *fi sabil Allah* ialah kemaslahatan umum termasuklah mendirikan klinik dan hospital, membina dan membaiki jalanraya, mendirikan masjid, membina sekolah dan memberi dermasiswa/bantuan pelajar kepada setiap lapisan masyarakat samada di peringkat sekolah kebangsaan, menengah dan universiti. Dalam hal ini, kebanyakan agihan zakat *fi sabil Allah* oleh Majlis Agama Islam Bangkok termasuk bantuan pelajar dari selatan Thailand yang menuntut di Bangkok. Ini antara faktor agihan kepada asnaf *fi sabil Allah* lebih tinggi berbanding asnaf yang lain (Temubual Boochom, A. 2016).

Seterusnya, menurut Preset Wongsan berpandukan jadual diatas, Yayasan Islam Santichon Bangkok juga mengutamakan agihan asnaf *fi sabil Allah* iaitu sebanyak 4,373,590 Baht sepanjang tahun 2011M sehingga 2015M. Menurut beliau, asnaf *fi sabil Allah* dalam konteks sekarang termasuk jihad umat Islam dalam bidang kebudayaan, pendidikan dan media. Yayasan Islam Santichon Bangkok memberi penekanan kepada isu pendidikan kerana masyarakat Islam di Thailand khususnya di Bangkok dalam keadaan lemah di bidang pendidikan berbanding dengan masyarakat bukan Islam yang berada di Thailand. Oleh itu Yayasan Islam mengambil berat terhadap isu pendidikan dengan memberi dermasiswa/bantuan pelajar setiap lapisan peringkat sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan peringkat universiti. Dalam hal ini, kebanyakan penerima bantuan zakat terdiri pelajar Islam dari selatan Thailand yang menuntut di Bangkok. Dengan itu, agihan kepada asnaf *fi sabil Allah* lebih tinggi dari asnaf yang lain (Temubual Boochom, A. 2016).

Dalam hal ini juga, Samath Matlulim menjelaskan iaitu agihan asnaf *fi sabil Allah* oleh Yayasan Pusat Islam Bangkok juga adalah tertinggi barbanding agihan zakat dengan Majlis Agama Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok iaitu sebanyak 8,188,065 Baht pada tahun 2011 sehingga 2015. Ini disebabkan oleh keluasan erti asnaf *fi sabil Allah* dari segi *fiqh*, manakala *fi sabil Allah* di sini adalah kemaslahatan umum kaum Muslimin yang

dengannya urusan agama dan pemerintahan tertegak. Menurut Samath Matlulin, *fi sabil Allah* dalam kontek masa sekarang antaranya ialah berjihad dalam mendirikan pusat pendidikan Islam untuk mendidik pemuda Muslim, menjelaskan ajaran Islam yang benar, memelihara akidah Islam dari kekufuran, memelihara diri dari perubahan pemikiran dan tergelincirnya dari jalan Allah. Antara aspek *fi sabil Allah* lain meliputi pembangunan percetakan surat khabar yang beretika dan menyebarkan risalah Islam, menerbitkan buku-buku tentang Islam yang baik untuk rujukan masyarakat Muslim dan bukan Muslim dan menolong para dai yang menyeru pada ajaran Islam yang benar di mana mereka sanggup berhadapan dengan pelbagai ancaman.

Sehubungan itu, menurut Samath Matlulin lagi, Yayasan Pusat Islam Bangkok memainkan peranan yang besar dalam Thailand khususnya di Bangkok dengan mengambil berat terhadap isu pendidikan dengan memberi dermasiswa/bantuan pelajar setiap lapisan peringkat sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan peringkat universiti. Dalam hal ini, kebanyakan penerima bantuan pelajar dari selatan Thailand yang beragama Islam yang tinggal di Bangkok. Oleh itu, agihan dari Yayasan tersebut kepada *asnaf fisabilillah* lebih tinggi dari *asnaf* yang lain kerana melihat situasi masyarakat Islam di Thailand atau Bangkok masih lemah dari berilmu dari setiap bidang (Temubual Matlulin, S. 2015).

Yayasan Pusat Islam Bangkok juga mengagih *asnaf fi sabil Allah* kepada pelajar Islam yang belajar berbagai jurusan dan bidang untuk mengangkat tahap pendidikan masyarakat Islam di Bangkok dan Thailand umumnya iaitu seramai 433 orang pada tahun 2011M dan 2012M, pada tahun 2013M sebanyak 769 orang, pada tahun 2014M sebanyak 680 orang dan seramai 851 pada 2015. Jumlah keseluruhan bantuan zakat kepada bidang pendidikan oleh Yayasan Pusat Islam Bangkok ialah seramai 3,166 orang (Temubual Matlulin, S. 2015).

Berpanduan jadual 4.3, ketiga-tiga insituti pengurusan zakat di Bangkok juga mengagihkan zakat kepada *asnaf* fakir. Sepanjang tahun 2011M sehingga 2015M, agihan Yayasan Santichon Islam Bangkok kepada *asnaf* fakir sebanyak 2,004,627 Baht dan Majlis Agama Islam Bangkok sebanyak 432,500 Baht. Yayasan Pusat Islam Bangkok tidak memperuntukkan agihan kepada *asnaf* fakir. Jumlah keseluruhan *asnaf* fakir yang memperoleh agihan zakat di Bangkok sebanyak 2,437,127 Baht.

Menurut Preset Wongsan, Yayasan Santichon Islam Bangkok mengambil berat terhadap *asnaf* fakir. Ia merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai harta atau penghasilan layak dalam memenuhi keperluannya seperti tempat tinggal dan segala keperluan asas lainnya, baik untuk diri sendiri ataupun bagi mereka yang menjadi tanggungannya. Misalnya, seseorang

memerlukan 200 Baht sehari untuk nafqah keluarganya, tetapi sekiranya pendapatannya hanya 100 Baht sehari sahaja, maka dia tergolong sebagai asnaf fakir.

Berpandu dalam jadual 4.3 di atas, Yayasan Santichon Islam Bangkok mengagih kepada golongan fakir lebih banyak berbanding dengan Majlis Agama Islam Bangkok dan Yayasan Pusat Islam Bangkok kerana Yayasan Santichon meletakkan asas penubuhannya bagi membangunkan golongan fakir di Bangkok (Temubual Wongsan, P. 2016).

Pada Jadual 4.3 di atas, Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok didapati tidak menyediakan agihan zakat bagi asnaf *gharimin* pada tahun 2011M sehingga 2015M. Menurut Preset Wongsan, ketiga-tiga institusi zakat di Bangkok itu tidak memberikan keutamaan bagi agihan zakat kepada asnaf *gharimin* iaitu merujuk kepada orang-orang yang berhutang dan tidak mampu melunaskan hutangnya atau orang yang hartanya musnah akibat bencana alam seperti banjir atau terbakar atau mereka yang mempunyai keluarga akan tetapi tidak mempunyai harta, sehingga ia berhutang untuk menafkahi keluarganya itu (Temubual Wongsan, P. 2016).

Menurut Adul Yutasamut, faktor lain mengapa agihan terhadap asnaf *gharimin* tidak dilakukan oleh ketiga-tiga institusi itu kerana tidak ada permohonan dari masyarakat Islam. Ia berkemungkinan mereka tidak memahami apa maksud yang sebenar *gharimin* (Temubual Yutasamut, A. 2016).

Manakala bagi asnaf miskin, berpandukan Jadual 4.3, Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Santichon memberikan perhatian khusus terhadap golongan miskin. Sepanjang tahun 2011-2015M, Yayasan Pusat Islam Bangkok mengagihkan zakat kepada golongan miskin sebanyak 2,024,000 Baht, lebih tinggi berbanding dengan Yayasan Islam Santichon sebanyak 946,685 Baht dan Majlis Agama Islam sebanyak 390,000 Baht.

Pada pandangan Samath Matlulim, agihan kepada asnaf miskin oleh Yayasan Pusat Islam Bangkok adalah kedua tertinggi selepas agihan kepada *fi sabil Allah* keutamaan yang diberikan terhadap golongan miskin (Temubual Matlulim, S. 2016).

Seterusnya, bagi asnaf amil, Jadual 4.3 menunjukkan ketiga-tiga badan pengurusan zakat di Bangkok itu sepanjang tahun 2011M sehingga 2015M telah memberikan peruntukan zakat kepada para amil mengikut situasi masing-masing. Yayasan Pusat Islam mengagihkan kepada asnaf amil sebanyak 813,375 Baht, Majlis Agama Islam Bangkok pula sebanyak 246,000 Baht dan Yayasan Islam Santichon Bangkok mengagih kepada amil sebanyak 136,691 Baht.

Menurut Ismail Ali tiga badan yang tersebut mengagihkan kepada asnaf amil mengikut hasil yang diperoleh menerusi kutipan zakat pada setiap tahun oleh setiap institusi. Yayasan Pusat Islam Bangkok telah mengagih zakat bagi asnaf amil lebih tinggi berbanding dengan Yayasan Islam Santichon Bangkok dan Majlis Agama Islam Bangkok. Ini kerana Yayasan Pusat Islam Bangkok berpendapat, para amil adalah para pegawai yang mesti diberi upah upah sesuai dengan pekerjaannya di mana upah itu hendaklah tidak terlalu kecil dan tidak juga terlalu berlebihan (Temubual Ali, I. 2016).

Menurut Smaht Matlulim, para amil diberi zakat sesuai dengan haknya seperti terdapat dalam al-Quran, walaupun pada keadaan tertentu jumlahnya lebih besar dari kadar asas yang ditetapkan. Setiap amil tetap diberi zakat walaupun beliau sudah berharta kerana yang agihan itu adalah upah atau imbuhan kerja dan bukannya satu bentuk pertolongan. Agihan zakat itu boleh difahami sebagai hak dari usaha kerja amil dalam memastikan pengurusan zakat masyarakat Islam Bangkok lancar dan berkesan. Para amil kebiasaannya dari kalangan ahli jawatankuasa institusi yang diakui bersifat amanah, jujur dan profesional menjalankan tanggungjawabnya. Imbuhan itu mampu memberi dorongan dan semangat agar para amil sentiasa gigih dan tekun menjalankan tugas yang diamanahkan ke atas mereka. Para amil tidak boleh sama sekali menggunakan zakat itu untuk kepentingan dirinya atau ia menghilangkan harta zakat walaupun jumlahnya sedikit. Ini kerana harta itu milik umum dan tidak ada sesiapa pun yang boleh mengaku hasil zakat itu milik mereka atau menggunakannya dengan cara yang salah kerana ia suatu yang menyalahi hukum agama (Temubual Matlulim, S. 2016).

Berhubung asnaf mualaf, Jadual 4.3 menunjukkan Majlis Agama Islam Bangkok mengagih kepada asnaf mualaf sebanyak 532,000 Baht berbanding dengan Yayasan Pusat Islam Bangkok sebanyak 93,894 Baht dan Yayasan Islam Santichon Bangkok sebanyak 77,765 Baht pada tahun 2011M sehingga 2015M. Dalam hal ini, menurut Aroon Boonchom, agihan kepada asnaf mualaf oleh Majlis Agama Islam Bangkok lebih tinggi kerana pihak majlis menerima permohonan untuk memeluk agama Islam hampir setiap hari. Secara purata, Majlis Agama Islam Bangkok menerima seramai lima permohonan untuk memeluk agama Islam setiap hari yang terdiri dari kakitangan kerajaan, pensyarah, ahli perniagaan dan pelakon filem. Oleh itu, Majlis Agama Islam Bangkok mesti mengambil berat kepada golongan mualaf ini lebih berbanding dengan badan-badan yang lain. Golongan mualaf adalah mereka yang berasal dari agama lain dan kemudian memeluk agama Islam. Mereka perlu diambil berat kerana sebahagian mereka telah berkorban dari segi tenaga dan harta, malah sebahagian meeka

berhadapan dengan tentangan dari ibubapa dan persekitarannya apabila memilih agama Islam. Oleh itu, mereka perlu diberi bantuan khas bagi menghadapi cabaran kewangan terutama sebahagiannya yang berkemungkinan dihalau dan dimusuhi kerana tindakannya memeluk agama Islam.

Menurut Issara Santhisath, Majlis Agama Islam Bangkok adalah pusat bagi para mualaf mengadu hal urusan mereka sekiranya berhadapan dengan isu rumah tangga, sosioekonomi dan agama. Para mualaf didapati sering mendapatkan pertolongan dari pihak Majlis Agama Islam Bangkok terutama berkaitan hak-hak mereka dalam masyarakat (Temubual Santhisath, I. 2016).

Berkaitan dengan agihan kepada asnaf *riqab*, Jadual 4.3 menunjukkan Majlis Agama Islam Bangkok mengagih sebanyak 200,000 Baht, berbanding dengan Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok yang tidak memberikan sebarang peruntukan kepada asnaf *riqab* pada tahun 2011 sehingga 2015. Menurut Boochom, A. (2016), Majlis Agama Islam Bangkok mengambil berat kepada *riqab* iaitu kelompok masyarakat yang ingin membebaskan daripada segala macam penindasan dan penyeksaan dari ketua atau majikan mereka. Majlis Agama Islam Bangkok menerima permohonan dari sebagai orang Islam di Bangkok yang berdepan dengan situasi tersebut dan memberikan bantuan bagi meringankan cabaran dan membebaskan mereka dari permasalahan yang dihadapi mereka (Temubual Boochom, A. 2016).

Menurut Bunjong Binkasan, Majlis Agama Islam Bangkok telah memberi bantuan zakat kepada masyarakat Islam teraniaya sebagaimana dalam peristiwa di mana seramai empat orang Muslim yang telah dilempar tuduhan palsu dalam isu tragedi Selatan Thai. Bantuan zakat digunakan antaranya meringankan kos yuran guaman mahkamah yang dihadapi mereka bagi membebaskan diri dan membersihkan nama mereka dari tuduhan yang dikenakan oleh pihak berkuasa (Temubual Binkasan, B. 2016).

Bagi agihan kepada asnaf *ibn al-sabil*, Jadual 4.3 menunjukkan iaitu Majlis Agama Islam Bangkok mengagih sebanyak 50,000 Baht. Manakala, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok tidak mempunyai peruntukan bagi asnaf *ibn al-sabil* pada tahun 2011M sehingga 2015M. Menurut Boochom, A. (2016) Majlis Agama Islam Bangkok mengambil berat kepada asnaf Ibnu Sabil kerana taarif bagi asnaf ini luas.

Ibn al-sabil ialah golongan masyarakat Islam yang berhadapan dengan kesempitan atau musibah ketika berada dalam perjalanan atau musafir dalam rangka mencapai ketaatan kepada

Allah SWT dan tidak didorong oleh maksiat. Golongan ini, samada kaya atau miskin, apabila mendapat musibah atau terputus hartanya maka berhak memperoleh bantuan zakat (Temubual Santhisath, I. 2016).

Majlis Agama Islam telah mengagihkan bantuan zakat kepada *ibn al-sabil* yang kebanyakannya orang Islam dari luar negara seperti Syria, Libya, Iraq dan Palestin yang kehabisan perbelanjaan ketika bermusafir ke Thailand atau transit di Thailand dalam perjalanan mendapatkan perlindungan di negara ketiga seperti Malaysia dan Australia (Temubual Boochoom, A. 2016).

ANALISIS PENCAPAIAN PENGURUSAN ZAKAT DI BANGKOK

Berpandukan pencapaian pengurusan zakat sebagaimana tertera pada Jadual 1 dan 3 di atas, beberapa dapatan pencapaian boleh disimpulkan seperti berikut:

Pertama, ketiga-tiga institusi pengurusan zakat di Bangkok iaitu Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok merupakan badan rasmi yang diiktiraf oleh masyarakat Islam bagi menjalankan urusan zakat mereka di Bangkok. Ketiga institusi ini telah diwujudkan bagi memenuhi beberapa keperluan tersendiri dan khusus seperti bagi mengukuhkan urusan masyarakat Islam dalam aspek pentabiran, pendidikan dan pengupayaan masyarakat miskin. Ketiga-tiga institusi ini diiktiraf dari segi perundangan dan digerakkan oleh jawatankuasa pentadbir yang dipilih secara bersama oleh masyarakat Islam Bangkok. Bagi menjayakan tugas pengurusan zakat, setiap institusi melantik dan mengupah para pegawainya yang khusus. Ketiga-tiga institusi ini ialah badan berasingan dan saling lengkap melengkapi bagi tujuan memelihara kepentingan sosio-ekonomi umat Islam.

Dalam ertikata lain, pengurusan zakat di Bangkok ditadbir oleh tiga institusi yang berasingan dan terpisah. Latar perkembangan masyarakat Islam di Bangkok yang merupakan kelompok minoriti mempengaruhi struktur pengurusan zakat ini. Bagi masyarakat minoriti Islam, ketiadaan kuasa politik mutlak berbanding dengan masyarakat Islam yang majoriti seperti di Malaysia dilihat antara faktor utama membawa kepada model pengurusan zakat yang tidak berpusat. Namun, apa yang lebih penting, ketiga-tiga instiusi ini menjadi wadah atau saluran utama menyempurnakan kewajipan berzakat yang menjadi tanggungjawab masyarakat Islam di Bangkok.

Kedua, dari segi kutipan zakat. Kajian menunjukkan kesedaran masyarakat Islam terhadap tanggungjawab menunaikan zakat bertambah tinggi. Sumber utama hasil zakat di Bangkok banyak diperoleh dari zakat perniagaan dan harta. Ini menunjukkan pembayar zakat di Bangkok terdiri daripada golongan peniaga dan profesional. Namun, didapati juga, sumber zakat dari kategori lain di dapati lemah. Hal ini memerlukan penelitian lanjut.

Ketiga, dari segi aspek agihan. Kajian mendapati ketiga-tiga institusi zakat ini telah memainkan peranan penting dalam memberi kemudahan kepada penduduk Islam Bangkok menerusi kutipan zakat. Ramai dari golongan asnaf telah mendapat manfaat dari kutipan zakat dan menerima agihan zakat.

Kajian menunjukkan sebahagian besar asnaf yang mendapat manfaat zakat dari ketiga-tiga institusi zakat di Bangkok ialah kategori fisabilillah. Keadaan ini terjadi kerana permohonan bagi bantuan pendidikan amat tinggi di kalangan masyarakat Islam Bangkok. Dengan jumlah kutipan zakat yang terhad, tumpuan agihan terhadap asnaf fisabilillah mengurangkan bantuan zakat kepada kategori yang lain.

Kajian juga menunjukkan keseluruhan jumlah zakat telah diagihkan kepada asnaf yang layak setiap tahun oleh ketiga-tiga institusi. Tiada simpanan zakat yang diwujudkan bagi tujuan kecemasan.

Jelas, ketiga-tiga institusi zakat telah memainkan peranannya dengan menyediakan instrumen yang diiktiraf oleh perundangan negara bagi membolehkan masyarakat Islam Bangkok menjalankan kewajipan berzakat. Sebagai sebuah wadah, institusi ini bergantung kepada kesedaran masyarakat Islam menjalankan kewajipan berzakat bagi membolehkannya mengagihkannya kepada golongan yang memerlukan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat.

KESIMPULAN

Masyarakat Islam di Bangkok telah mempunyai institusi pengurusan zakatnya yang tersendiri. Institusi tersebut berkembang secara terpisah kepada tiga badan kutipan yang berbeza. Kutipan zakat yang diperoleh juga masih sederhana memandangkan sumber kutipan zakat tertumpu dari zakat perniagaan dan harta. Pengagihan juga telah berlaku walaupun tidak menyeluruh. Bentuk agihan zakat adalah dalam bentuk bantuan langsung. Tidak terdapat data menunjukkan wujud program pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam Bangkok dalam bentuk jangka panjang dari hasil kutipan zakat.

RUJUKAN

- Binkasan, B. (2016). Laporan Kutipan Zakat di Yayasan Islam Santichon Bangkok. Bangkok: Yayasan Islam Santichon Bangkok.
- Boochom, A. (2016). Laporan Kutipan Zakat di Majelis Agama Islam Bangkok. Bangkok: Majelis Agama Islam Bangkok.
- Matlulim, S. (2016). Laporan Kutipan Zakat di Yayasan Pusat Islam Bangkok. Bangkok: Yayasan Pusat Islam Bangkok.

TEMUBUAL

- Ali, I. (2016). Temubual pada tarikh 12 Ogos 2016.
- Binkasan, B. (2016). Temubual pada tarikh 30 Ogos 2016.
- Boochom, A. (2016). Temubual pada tarikh 18 Ogos 2016.
- Matlulim, S. (2017). Temubual pada tarikh 25 Ogos 2016.
- Santhisath, I. (2016). Temu bual pada tarikh 8 Ogos 2016.
- Wongsan, P. (2016). Temu bual pada tarikh 12 Ogos 2016.
- Yutasamut, A. (2016). Temu bual pada tarikh 28 Ogos 2016.